



# Info Sukan

## KEJOHANAN SUKAN MASUM SIRKIT 1

Universiti Malaysia Perlis telah menghantar Pasukan Sepak Takraw Lelaki & Wanita dan Pasukan Tenpin Boling Lelaki dalam Kejohanan Sukan MASUM Sirkit 1 yang berlangsung pada 5-7 Februari 2010 di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor. Kejohanan ini melibatkan 20 IPTA yang lain dalam acara Sepak Takraw. UniMAP telah menghantar 3 pasukan bagi Kategori Regu Lelaki, 1 Kategori Bergu dan 1 Regu Wanita. Pasukan Bergu Lelaki dan Dua Regu Lelaki UniMAP telah layak ke Grand Final. Lebih membanggakan Regu Wanita UniMAP juga layak ke Grand Final yang akan berlangsung di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam pada 26- 28 Mac 2010. Bagi acara Tenpin Boling pula, seramai 53 orang pemain mewakili 14 universiti

seluruh Malaysia telah mengambil bahagian. Hanya 1 kategori sahaja yang dipertandingkan iaitu perseorangan. UniMAP telah menghantar 1 pasukan yang diwakili oleh 4 orang pelajar bagi kejohanan ini. Bagi Sirkit 1 ini, hanya 32 orang pemain terbaik sahaja yang akan layak untuk ke Grand Final yang dijadualkan berlangsung pada bulan Mac 2010. Pada kali ini, setiap pemain harus bermain sebanyak 12 permainan yang dijalankan selama 2 hari. Pada hari pertama mereka bermain sebanyak 6 game dengan oiling patern (long oil) dan 6 baki permainan pada hari kedua dengan oiling patern (short oil). Berkat kesungguhan yang ditunjukkan oleh para pemain, 3 orang pemain telah layak untuk ke Grand Final manakala seorang lagi tidak berjaya melayakkan diri.